

01/11/1999

Kehadiran PM ditentukan hari ini

Khairul Bahri Basaruddin

KUALA LUMPUR, Ahad - Perbicaraan kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja yang bersambung esok akan mendapat tahu sama ada Perdana Menteri hadir ke mahkamah atau tidak.

Mahkamah Tinggi sudah mengeluarkan sapina baru Khamis lalu supaya Dr Mahathir Mohamad hadir ke mahkamah sebagai saksi Sukma Darmawan.

Dr Mahathir perlu hadir ke mahkamah jika beliau sudah menerima sapina itu tetapi beliau tidak mungkin memberi keterangan kerana Anwar serta Sukma Darmawan belum selesai memberi keterangan mereka.

Selain itu, mahkamah masih lagi mendengar keterangan membela diri Anwar yang dimulakan pada 22 Oktober lalu. Anwar masih dengan pembelaan konspirasi dan belum lagi mengemukakan sebarang pembelaan alibi.

Christopher Fernando yang mengetuai pasukan pembelaan Anwar, menyoal bekas Timbalan Perdana Menteri dalam pemeriksaan utama.

Hakim Datuk Ariffin Jaka memerintahkan Anwar dan Sukma Darmawan membela diri pada 18 Oktober lalu selepas mendapati pendakwa berjaya membuktikan kesnya mengatasi keraguan munasabah.

Anwar dan Sukma Darmawan memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah dalam kandang saksi.

Pihak pendakwa yang diketuai Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah sebelum ini menutup kes mereka pada 20 Ogos lalu.

Pada 20 Ogos lalu, Mohtar memberitahu mahkamah bahawa pendakwa menawarkan 21 saksinya kepada pembela, termasuk Karpal yang dinamakan sebagai saksi ke-21 pendakwa.

Saksi yang ditawarkan kepada pembela ialah adalah Hakim Kanan Mahkamah Sesyen, Lim Yee Lan; Timbalan Pendakwa Raya, Stanley Augustin; bekas Pengarah Cawangan Khas, Datuk Zulkifli Abdul Rahman; Ketua Polis Daerah Brickfields, Asisten Komisioner Kong Hong Sun.

Asisten Superintendan (ASP) Mohd Rodwan Mohd Yusof; ASP Zulkifli Mohamed; ASP Mazlan Mansor; ASP Wan Ahmad Abas; Cif Inspektor A Rajagopal; Detektif Koperat Razib Mohamed Noh; Detektif Koperat Zaini Mat Piah.

Detektif Koperat Rozlan Yusof; Ahli Kimia Lim Kong Boon; Peguam Mohamed Noor Don; Ummi Hafilda Ali; Dr Ristina Majid; Manjit Kaur; Alijah Che Lah; Lee Mon Swi dan bekas setiausaha sulit Anwar, Mohd Azmin Ali.

Sepanjang perbicaraan itu, pendakwa memanggil sembilan saksi termasuk bekas Ketua Polis Negara, Tun Mohd Haniff Omar; Hakim Mahkamah Sesyen, Abdul Karim Jalil; Senior Asisten Komisioner 1 Musa Hassan serta mangsa liwat kes itu, Azizan Abu Bakar.

Sukma Darmawan, 38, yang dihukum penjara enam bulan pada 19 September lalu kerana membenarkan Anwar meliwatnya, didakwa atas tuduhan bersubahat dengan Anwar melakukan persetubuhan luar tabii dengan Azizan.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di unit nombor 10-7-2, Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar, pada satu malam jam 7.45, Mei 1992.

Bagi kedua-dua tuduhan itu, Sukma Darmawan didakwa mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Anwar kini menjalani hukuman penjara enam tahun sejak 14 April lalu selepas didapati bersalah atas empat tuduhan melakukan amalan rasuah pada 1997.

(END)